

Peraturan pilihan raya akan dipinda bolehkan rakyat Malaysia luar negara mengundi, kata SPR
Malaysian Insider
08 Oktober, 2012
Oleh Mohd Farhan Darwis

PUTRAJAYA, 8 Okt — Rakyat Malaysia yang berada di luar negara berkemungkinan akan mengundi dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang sekiranya pindaan terhadap peraturan pilihan raya diselesaikan dalam sidang Dewan Rakyat di Parlimen kali ini, kata Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Peraturan sekarang hanya membenarkan pelajar sepenuh masa dan kakitangan kerajaan beserta pasangan mereka di luar negara untuk mengundi secara pos.

Pengerusi SPR, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata, berdasarkan semakan dengan Pejabat Peguam Negara, tiada pindaan Perlembagaan diperlukan untuk tujuan tersebut.

"Kami sedang meneliti borang dan peraturan untuk membolehkan mereka mengundi, borang perlu dipinda, sebab ada syarat pulang sekali dalam lima tahun," katanya ketika sidang media di sini.

Dianggarkan terdapat sekitar 20,000 rakyat Malaysia di luar negara yang telah mendaftar untuk mengundi secara pos, namun kumpulan seperti MyOverseasVote telah menekan kerajaan untuk membolehkan rakyat Malaysia di luar negara untuk turut mengundi.

Dianggarkan terdapat lebih kurang 700,000 rakyat Malaysia di luar negara yang sedang melanjutkan pelajaran mahupun bekerja yang layak untuk mengundi.

Jawatankuasa Khas Pilihan Parlimen (PSC) berhubung penambahbaikan pilihan raya dalam syor mereka April lalu turut mencadangkan undi pos diperluas kepada rakyat Malaysia di luar negara.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/peraturan-pilihan-raya-akan-dipinda-bolehdipinda-bolehkan-rakyat-malaysia-luar-negara-mengundi-kata-spr/>